



Kertas 1

8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

- 1 Apakah tujuan Pilihan Raya Perbandaran George Town diadakan pada tahun 1951?
(BT m.s. 197) (TP2) (ARAS: R)
A Memilih wakil rakyat George Town
B Memilih ahli Dewan Perbandaran George Town
C Memilih wakil Majlis Perbandaran George Town
D Memilih ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town
- 2 Pernyataan berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya peringkat negeri 1954.

Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan.

Apakah yang dapat disimpulkan dengan keputusan tersebut? (BT m.s. 197) (TP2) (ARAS: R)

- A Masyarakat mahukan pembaharuan
- B Masyarakat inginkan kemerdekaan negara
- C Masyarakat yakin dengan Manifesto Perikatan
- D Masyarakat menerima kerjasama kaum dalam politik

8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama

- 3 Sebelum pilihan raya umum pertama diadakan, Parti Perikatan dan Jawatankuasa Pilihan Raya tidak sependapat dalam pemilihan bilangan ahli Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). (BT m.s. 199)
Apakah tindakan Parti Perikatan untuk menangani isu tersebut? (TP4) (ARAS: S)
A Memulaukan pelaksanaan Pilihan Raya Umum
B Mempersetujui saranan Jawatankuasa Pilihan Raya
C Meneruskan hasrat untuk memilih tiga perlima bilangan anggota MPP
D Mengadakan rundingan dengan Setiausaha Tanah Jajahan British di London
- 4 Apakah syarat bagi calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
(BT m.s. 200) (TP2) (ARAS: S)
I Boleh berbahasa Melayu dan Inggeris
II Penduduk tetap Persekutuan Tanah Melayu
III Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu melebihi 6 bulan
IV Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 12 bulan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 5 Apakah had umur yang melayakkan seseorang penduduk Persekutuan Tanah Melayu untuk mengundi dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955? (BT m.s. 200) (TP2) (ARAS: R)
A 18 tahun ke atas
B 20 tahun ke atas
C 21 tahun ke atas
D 31 tahun ke atas

8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

- 6 Parti Perikatan yang memenangi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 telah membentuk Kerajaan Persekutuan. (BT m.s. 204) (TP2) (ARAS: R)
Siapakah yang mengetuai kerajaan Persekutuan Tanah Melayu?
A Tunku Abdul Rahman
B Raja Muhammad Uda
C Pesuruhjaya Tinggi British
D Dato' Abdul Razak Hussein
- 7 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan terhadap pentadbiran negara kita?
(BT m.s. 204) (TP4) (ARAS: S)
A Tugas Pesuruhjaya Tinggi British diambil alih oleh Ketua Menteri
B Proses pertukaran dan pembaharuan dalam MPP dibuat serta-merta
C Pesuruhjaya Tinggi British menjadi penasihat dalam bidang keselamatan
D Pegawai British masih mempunyai kuasa mutlak dalam bidang-bidang tertentu

8.4 Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

- 8 Apakah peranan kabinet pertama?
(BT m.s. 206) (TP4) (ARAS: S)
A Memansuhkan kuasa pentadbiran British
B Membincangkan isu berkaitan kemerdekaan
C Mengurangkan Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi British
D Meneruskan sistem pemerintahan demokrasi Model Westminster
- 9 Gambar berikut menunjukkan Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan 1955. (Buku Teks: m.s. 206-207)



Apakah kepentingan penubuhan kabinet pertama ini kepada negara kita? (TP5) (ARAS: T)

- I Memastikan British tidak mentadbir lagi
 - II Memastikan kuasa Raja-raja Melayu dikekalkan
 - III Memastikan pentadbiran berjalan dengan lancar
 - IV Memastikan pembangunan dalam negara dapat dilaksanakan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10 Apakah tanggungjawab Menteri Pelajaran dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?
(BT m.s. 207) (TP4) (ARAS: S)
A Meningkatkan mutu pendidikan
B Mengkaji semula sistem pendidikan kebangsaan
C Membina bangsa bersatu melalui sistem pendidikan
D Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan



Nota Bab 8